

20/07/2000

PM lawat Mohd Shah, keluarga Sagadevan

IPOH, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan menemui Detektif Sarjan Mohd Shah Ahmad yang menjadi tebusan dalam insiden Bukit Jenalek, Sauk, dekat Kuala Kangsar, esok.

Perdana Menteri juga dijadual menemui keluarga mendiang Detektif Sarjan R Sagadevan yang dibunuh secara kejam dalam drama tebusan membabitkan 27 pengikut kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) di Bukit Jenalek, awal bulan ini.

Pertemuan Dr Mahathir dengan Mohd Shah dan keluarga Sagadevan diatur di pusat percutian Resort Safari Sungai Perak di Jalan Daeng Selili, Kuala Kangsar, kira-kira jam 4.30 petang.

Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali, berkata Perdana Menteri dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, di sini, kira-kira jam 3.45 petang.

"Dr Mahathir dan isteri dijangka meluangkan masa kira-kira sejam bersama Mohd Shah dan keluarga Sagadevan dalam pertemuan itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini, hari ini.

Sebelum ini, Dr Mahathir dan isteri menemui keluarga mendiang Mathew anak Medan, 22, anggota Gerak Khas yang dibunuh secara kejam oleh penjenayah yang sama di Kuching, Ahad lalu.

Dalam kejadian di Bukit Jenalek, Mohd Shah dijadikan tebusan selama empat hari. Sepanjang tempoh itu, beliau dipaksa menggali lubang serta mengebumikan mayat rakannya, Sagadevan dan Mathew.

Sagadevan pula dibunuh dengan kejam oleh penjenayah berkenaan, termasuk ditembak pada bahagian kiri kepalanya.

(END)